

Pesan Natal Urbi et Orbi Sri Paus Fransiskus

Semoga Putera Damai usir dukacita, kegelapan



TAKHTA SUCI: Dalam pesan Natalnya sempena berkat “*Urbi et Orbi*” pada tengah hari Natal, Disember 25, Bapa Suci Fransiskus berbicara tentang bagaimana Bayi Yesus menyatakan kasih sayang Tuhan kepada setiap daripada kita, yang membawa “kegembiraan yang menghiburkan hati, memperbaharui harapan dan memberikan kedamaian.”

Bapa Suci Fransiskus juga berdoa untuk keamanan dunia dan menyeru untuk menghentikan keganasan dan membantu mereka yang menderita.

Mengucapkan salam kepada orang ramai yang berkumpul di Dataran Sto Petrus dari balkoni tengah Basilika Santo Petrus, Sri Paus Fransiskus menyampaikan ucapan selamat tradisionalnya pada Hari Krismas, diikuti dengan berkat “*Urbi et Orbi*” kepada kota Roma dan dunia.

Bapa Suci berasa sedih mengenang tempat kelahiran Yesus di Betlehem yang pada ketika ini ditandai dengan “kesedihan dan kesunyian.”

Namun kelahiran Juruselamat dan pewartaan daripada malaikat, “Hari ini telah lahir bagimu di kota Daud seorang Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan,” memberi kita harapan yang besar kerana Tuhan telah dilahirkan untuk kita. Firman Tuhan adalah kekal dan abadi, Dia adalah Tuhan yang tidak terbatas, Dia berada di tengah-tengah kita!”

Berita Baik yang mengubah sejarah

Sri Paus berkata “berita gembira besar” yang kita raikan adalah “janji yang pasti akan anugerah yang belum pernah terjadi sebelumnya: harapan untuk dilahirkan bagi syurga kerana kelahiran Tuhan menyatakan kasih sayang Tuhan dan bahawa Yesus memberi kita kuasa untuk menjadi anak-anak Tuhan.”

“Inilah kegembiraan yang menghiburkan hati, memperbaharui harapan dan memberikan kedamaian. Itulah sukacita Roh Kudus: sukacita yang lahir kerana menjadi putera dan puteri yang dikasihani Tuhan.”

Cahaya Tuhan yang menghalau kegelapan

Walaupun “selubung hitam” meliputi Bethlehem pada hari ini, “nyala api yang tidak mati telah dinyalakan” iaitu Cahaya Tuhan telah mengatasi kegelapan.

“Marilah kita bergembira atas pemberian rahmat ini! ... Bersukacitalah, kamu yang telah meninggalkan segala harapan, kerana Tuhan menawarkan tangan-Nya yang kepada adamu; Dia tidak menuding jari kepada anda, tetapi menawarkan tangan bayi-Nya kepada anda, untuk membebaskan anda daripada ketakutan, untuk meringankan beban anda dan untuk menunjukkan kepada anda bahawa, di mata-Nya, anda lebih berharga daripada segala-galanya...”

Mangsa yang tidak bersalah hari ini

Selepas kelahiran Juruselamat terjadilah penyembelihan di kalangan bayi yang tidak bersalah, kata Sri Paus yang mengingatkan kanak-

kanak tidak bersalah sebagai “Yesus kecil” hari ini, yang menjadi mangsa “dalam rahim ibu mereka, dalam perjalanan semasa keadaan terdesak dan mencari berharap, dalam kehidupan semua anak-anak kecil yang telah dihancurkan oleh peperangan.”

“Ya” kepada Putera Damai

Kita mesti berkata “ya” kepada keamanan dan “tidak” kepada peperangan yang dikecam oleh Sri Paus, kerana setiap perang menandakan “kekalahan tanpa kemenangan, kebodohan yang tidak dapat dimaafkan.”

Bapa Suci juga menyeru “tidak” kepada persenjataan kerana menjadikan proses keamanan itu sukar.

“Apabila pengeluaran, jualan dan perdagangan senjata meningkat, dana awam digunakan atau dibelanjakan untuk senjata lalu mengorbankan roti untuk orang yang lapar.”

Sri Paus Fransiskus mengancam “kepentingan dan keuntungan yang mencetuskan rentetan peperangan. Hal ini harus didedahkan, dibincangkan dan ditulis,” tegasnya, kerana ramai yang tidak tahu berapa banyak dana awam telah mereka belanjakan untuk senjata, sedangkan perkara ini harus dimaklumkan kepada umum.

Sangti Papa berdoa agar “dengan pertolongan Tuhan” semoga kita melakukan “segala usaha” untuk hari ketika “bangsa tidak akan mengangkat pedang melawan bangsa.”

Pengakhiran keganasan di Tanah Suci

Melihat tempat-tempat di dunia yang mengalami peperangan, Bapa Suci berdoa agar

konflik yang memusnahkan kehidupan orang di Israel dan Palestine segera tamat.

Sri Paus Fransiskus berduka terhadap para mangsa akibat serangan keji pada Oktober 7 dan mengulangi seruannya untuk gencatan senjata.

Damai untuk dunia kita

Sri Paus turut menyebut Syria yang dilanda perang, Yaman, dan Lubnan serta menyeru semua masyarakat antarabangsa berdoa bagi kesejahteraan mereka.


Fransiskus juga berharap keamanan untuk Ukraine, meminta semua orang untuk “memperbaharui keakraban rohani dan kemanusiaan kita dengan orang-orang yang mengalami peperangan agar mereka dapat merasai kedekatan Tuhan.”

Bersolidariti dengan semua

“Semoga kita mengingati mereka yang tidak dapat bersuara, khususnya kanak-kanak yang menderita kerana kelaparan dan kekurangan air, mereka yang kehilangan pekerjaan, terpaksa bermigrasi di mana mereka menghadapi risiko diculik atau didagangkan untuk dijadikan hamba,” doa Bapa Suci.

Jubli rahmat dan harapan

Pada akhir pesannya, Sri Paus Fransiskus mengingatkan Jubli 2025 yang akan dilancarkan untuk merayakan “musim rahmat dan harapan. Bagi merayakan Jubli ini, ia memerlukan persiapan iaitu pertobatan hati, menolak peperangan dan mencintai damai.” — *media Vatikan*



Fr Ron Rolheiser

Selamat hari Natal atau Selamat Musim Perayaan?

Apakah yang kita lakukan pasti akan berbalik kepada kita. Orang Kristian mengambil pesta pagan dan menguduskannya sebagai perayaan kelahiran Yesus, kini dunia sekular membalasnya pula.

Keputusan untuk menyambut kelahiran Yesus pada Disember 25 tidak berdasarkan pengiraan yang teliti hari sebenar Yesus dilahirkan.

Sebaliknya, perayaan ini berasal dari perayaan Matahari Tak Terkalah iaitu kembalinya musim yang mempunyai hari yang panjang pada zaman politeistik Roma.

Ia juga mengikuti pesta Saturnalia, perayaan di mana orang ramai berpesta dan bertukar-tukar hadiah. Gereja di Roma mula merayakan Krismas pada Disember 25 (di antara 306-337) semasa pemerintahan Constantine, maharaja Kristian pertama, sebagai usaha menggantikan tradisi pagan.

Orang Kristian menguduskan pesta pagan dan hari ini kita melihat sebaliknya. Semakin banyak simbol dan konotasi agama ditiadakan semasa perayaan Krismas di dunia sekular: Santa telah menggantikan Bayi Kristus; Lagu *Come all ye faithful* telah digantikan dengan lagu *Rocking around the Christmas tree*, dan lagu *I'm Dreaming of a White Christmas* telah menggantikan lagu *Silent Night*.

Ucapan *Selamat Natal* juga telah digantikan dengan ucapan *Selamat Musim Perayaan*. Kenapa ini terjadi?

Pertama, sebagai sebuah masyarakat, kita menjadi semakin sekular. Orang semakin kurang tertarik dengan kisah keagamaan Krismas, walaupun mereka menghargai musim Krismas sebagai masa yang sangat istimewa dalam setahun. Mereka menghargai pesta itu kerana penekanannya pada kasih sayang, pemberian hadiah, warna, keistimewaan, dan perayaan, tanpa merujuk kepada Kristus.

Walau bagaimanapun, dalam sekularisasi itu, ada suara konspirasi yang mahu mengakhiri perayaan



Perayaan Kristian kita tidak menghalang orang lain meraikan Krismas dengan cara sekular.

Mereka mengkritik bahawa pada dasarnya, kita adalah budaya sekular, bukan budaya Kristian dan ini tidak adil kepada bukan Kristian.

Perayaan agama ini boleh menyinggung orang Yahudi, Muslim, penganut Buddha, agnostik, dan orang yang tidak percaya Tuhan.

Mereka mendakwa, ucapan "Selamat Natal" tidak sesuai dengan masyarakat majmuk.

Sejauh mana kesahihan ini? Mungkin benar tetapi ia juga sangat tidak tepat. Mengapa?

Pertama, kritikan ini tidak disuarakan oleh orang Yahudi, Muslim, dan bukan Kristian sebaliknya di kalangan orang Kristian dan bekas orang Kristian yang tidak sensitif.

Ya, memang diakui kita hidup dalam budaya sekular dan pluralistik. Namun, bukannya orang Kristian mempunyai hak untuk merayakan hari lahir Kristus dengan semua bahasa, simbol, dan ritual yang sesuai?

Tiada sesiapa pun yang mengingkari hak penganut Yahudi untuk menyambut Hanukkah atau hak orang Islam untuk menyambut Ramadan. Mengapa perayaan Kristian perlu dikhususkan?

Dan kita boleh mengemukakan soalan kritikal ini kepada mereka: Adakah kritikan mereka mewakili kebimbangan terhadap sensitiviti agama lain atau adakah ia didorong (secara tidak sedar) oleh perasaan tertentu daripada diri kita iaitu terdapat rasa benci atau perasaan tidak sihat terhadap agama sendiri, atau adakah kerana lebih ke arah politik?

Jika kita mempunyai rasa kurang puas hati terhadap agama sendiri? Mengapa kita boleh menghormati semua tradisi lain kecuali tradisi kita sendiri; tunduk kepada kepentingan politik; mencari kesalahan orang-orang yang meraikan perayaan Krismas?

Kita memang perlu peka kepada orang lain, menyedari serta menerima bahawa kita tidak boleh mengenakan perayaan Kristian kepada mereka yang tidak seagama dengan kita.

Tetapi masyarakat juga mesti adil kepada kita dan membenarkan kita merayakan hari lahir Kristus sebagai perayaan keagamaan.

Sesungguhnya, tidak sepatutnya ada sebarang ketegangan di sini. Tiada siapa yang patut berendam kepada orang lain semata-mata kerana mengucapkan "Selamat Hari

Krismas" atau "Selamat Musim Perayaan". Lagu "Silent Night" boleh sahaja diselang selikan dengan lagi "White Christmas".

Saya pasti, Yesus juga mempunyai hubungan baik dengan Santa. Cinta, kegembiraan, pemberian hadiah dan lampu berwarna-warni memainkan peranan mereka sendiri di hati kita dan apa yang mereka lakukan kepada elemen-elemen ini, bergantung pada hasrat dan niat dalam hati kita.

Kepada sesetengah orang, kita boleh mengucapkan "Selamat Hari Natal" dan kepada beberapa orang lain, kita boleh mengucapkan "Selamat Musim Perayaan".

Jadi, sebagai orang Kristian, marilah kita sambut Krismas sebagai hari lahir Kristus tanpa rasa ragu dan bersalah.

Dunia sekular tidak mempunyai hak untuk menghalang kita daripada mengucapkan "Selamat Hari Natal" dan meraikan hari lahir Kristus dengan nyanyian, lagu, simbol dan ritual yang berbicara tentang kelahiran Yesus.

Perayaan Kristian kita tidak menghalang orang lain meraikan Krismas dengan cara sekular, yang lebih mementingkan lampu Krismas berwarna warni, hiasan istimewa, perarakan Santa, pemberian hadiah, majlis dan berdansa mengelilingi pokok Krismas.

Langkah terbaik untuk meraikan Krismas adalah dengan cara kita sendiri.

Lagipun, kita 'mencuri' pesta ini daripada orang kafir, maka mereka mempunyai hak untuk menuntut semula sebahagian daripadanya.

Sebenarnya paganisme dan Kristian, gabungan ini dapat memakmurkan lagi hidup kita.

Dan jangan kita lupa bahawa dunia mengukur masa dengan kelahiran Yesus. Kita berada di tahun 2023 sejak peristiwa kelahiran Yesus yang mengubah masa! Bukankah acara bersejarah ini patut diraikan berganda dan meriah?

Selamat Hari Krismas dan Selamat Musim Perayaan!

Jalan betul menuju Tuhan

Injil Matius hari ini memberi kisah tentang orang-orang majus, atau orang-orang bijak yang datang dari jauh untuk menyampaikan penghormatan kepada raja, yang baru dilahirkan, meskipun bukan di negara mereka sendiri.

Mereka datang "dari timur", ertinya daerah yang dahulu disebut Babilonia dan Persia Utara, kini adalah Irak dan Iran Utara.

Marilah kita berusaha memahami apa yang dikisahkan Matius dalam Injilnya, sambil membandingkannya dengan kisah menurut Injil karangan Lukas, yang menceritakan kedatangan para gembala untuk menyaksikan kelahiran Yesus di Betlehem.

Kedua-dua Injil itu mengisahkan penampakan diri Tuhan (epiphania, epifani) dengan menggunakan "bahasa pewartaan", atau bentuk "komunikasi iman" yang berlainan, namun mempunyai tujuan yang sama.

Warta gembira (Injil) yang ingin disampaikan oleh Matius mahupun Lukas adalah kelahiran Yesus sebagai Juruselamat sejati. Matius menunjukan wartanya itu kepada orang-orang Yahudi.

Lukas mewartakan peristiwa kelahiran

Yesus kepada segala bangsa, bukan hanya kepada orang Yahudi.

Kelahiran Yesus merupakan suatu penampakan diri Tuhan, yang disampaikan "dari atas" oleh Tuhan sendiri dengan perantaraan manusia-manusia, iaitu orang-orang majus (Mat) dan para gembala (Luk). Tuhan menggunakan "bahasa" yang sesuai dengan cara berfikir masing-masing.

Menurut bahasa moden dapat dikatakan, bahawa Tuhan berkomunikasi dengan manusia secara kontemporari dan adaptif untuk difahami, seperti diungkapkan oleh Matius dan Lukas

Kepada para gembala, Tuhan berbicara melalui penampakan malaikat dan bala tentera syurgawi. Tetapi kepada orang-orang majus, yang mahir dalam ilmu kaji bintang, sekaligus ulama, Tuhan berbicara melalui isyarat bintang. Yang ingin disampaikan oleh Matius maupun Lukas ialah, bahawa baik orang-orang majus mahupun gembala-gembala mencari Dia yang baru lahir.

Dan setelah melihat-Nya, menurut Lukas (2:18) masyarakat kehairanan ketika mendengar para gembala bercerita tentang kata-kata malaikat mengenai Bayi yang

baru lahir itu. Dan menurut Mat (2:3) Herodes dan seluruh isi Yerusalem terkejut, ketika mendengar kata-kata orang-orang majus.

Anahnya, bahkan ironinya, mereka yang hairan dan terkejut itu adalah orang-orang yang sebenarnya sudah berada dekat sekali dengan Dia yang baru lahir itu! Dalam Injil Lukas mereka itu sudah ada di tempat Maria melahirkan Yesus.

Menurut Matius ahli-ahli Taurat Yahudi dan Herodes sendiri melalui Kitab-Kitab mereka sudah tahu tentang akan datangnya Almasih. Namun tidak menginsafi apa yang sedang terjadi dekat mereka! Para ulama di Yerusalem dapat mengetahui peristiwa di Betlehem itu, tetapi tidak memahami maknanya.

Juga di antara orang-orang yang mendengar kata-kata para gembala hanya Marialah yang berusaha memahaminya! "Maria menyimpan semua perkataan itu dalam hatinya dan memikir-mikirkannya".

Ertinya, Maria bersikap mahu menerima misteri atau hal-hal yang tak selalu dapat difahami dalam hidupnya.

Apa pesan Injil Matius dan Lukas itu bagi kita sekarang ini?

Orang-orang majus itu termasuk orang-

**PESTA
PENAMPAKAN
TUHAN (B)
YESAYA 60:1-6
EFESUS 3:2-3A.5-6
INJIL MATIUS 2:1-12**

orang penting, orang-orang VIP dan sebagainya, dan gembala-gembala itu, orang-orang sederhana, orang pinggir, tidak berkedudukan penting dan sebagainya.

Pendek kata, kita semua tanpa perbezaan diajak periksa diri: aku ini termasuk "orang penting" ataupun "orang biasa", dan apakah termasuk golongan orang-orang majus atau gembala, yang peka menerima bimbingan dari Tuhan untuk menemukan Yesus sebagai Penyelamat kita yang sesungguhnya?

Yesus yang menampakkan Tuhan sebagai Penyelamat dilahirkan dalam situasi dan kondisi begitu sederhana di Betlehem. Tetapi sekarang pun Yesus tiada hentinya menampakkan diri dalam kelahiran-Nya di Betlehem — Betlehem baharu iaitu di tengah-tengah kita kehidupan kita sekarang.

— Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm

Gereja bantu anak-anak autistik terima Sakramen Ekaristi

KULAI, Johor: Empat keluarga menyaksikan peristiwa penting dalam kehidupan rohani anak mereka yang menghidap gangguan tinggi autisme spektrum.

Pasangan Dass dan Veronica, Melvin dan Aderia, Daniel Buda dan Agnes Jamaliah, Jeffrey dan Guia Vaz, ibu bapa kepada Nicholas Abraham, Aubrey Nicholeas, Leo Dexter, dan Edward Joseph terharu melihat anak-anak mereka dapat menerima Sakramen Ekaristi buat kali pertama.

Keluarga-keluarga tersebut adalah sebahagian daripada Kumpulan Sokongan Ibu Bapa Kanak-kanak Berkeperluan Khas yang ditubuhkan pada 2018 di bawah Komisi Keluarga, Orang Awam dan Kehidupan Keuskupan Melaka Johor (DCFL).

Kumpulan itu bertujuan untuk menyediakan ruang selamat untuk ibu bapa yang menghadapi kesukaran menghadiri Misa Kudus mingguan, menjadi penyokong dan pendorong kepada memerlukan khususnya mereka yang mempunyai anak autistik atau berkeperluan khas.



Ibu bapa remaja autistik gembira melihat anak-anak mereka dapat menyambut Komuni Pertama. Mereka bergambar bersama Diakon Leslie Petrus dan Fr Matthew Bun.

Meskipun pernah terhenti akibat pandemik Covid-19, aktiviti itu disambung semula pada Disember 2022, apabila beberapa ibu bapa memohon anak-anak berkeperluan khas mereka dapat dibantu dalam menyambut komuni pertama.

Proses bimbingan itu bermula dengan

ketidakpastian, memandangkan kekurangan pengalaman dan program berstruktur dalam keuskupan bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas menerima Sakramen Ekaristi.

Dari bulan Mac hingga Disember, remaja berkeperluan khas itu dan ibu bapa mereka

menghadiri sesi mempraktikkan pergerakan dan tatacara semasa Misa serta belajar cara menerima komuni dengan penuh hormat.

Sesi Zoom juga diadakan bagi katekesis-katekesis tentang Ekaristi, peranan Maria, doa, Kitab Suci, lagu-lagu dan perbincangan pada setiap Rabu pertama dan ketiga setiap bulan.

Empat remaja lelaki berkeperluan khas itu menerima Komuni pertama pada Disember 9, 2023 di Gereja Kristus Raja, yang dihadiri oleh ibu bapa dan ahli keluarga terdekat mereka.

Misa Kudus dipimpin oleh Fr Matthew Bun memperlihatkan kesaksian unik, karya penyelamatan dan kehadiran Tuhan melalui empat remaja autistik tersebut.

Majlis persaudaraan diadakan selepas Misa, di mana ibu bapa mengucapkan terima kasih kepada Fr Matthew di atas peranan pentingnya dalam membantu para remaja autistik itu menerima Tubuh dan Darah Yesus buat kali pertama.

Uskup Julius berkati Pusat Pastoral Paroki St Martin

TELUPID: Sambutan Hari Paroki St Martin Telupid pada tahun ini menegenahkan tema yang diambil daripada Konvensyen Pastoral Malaysia iaitu "Merayakan. Mendengar. Berjalan."

Tema yang dipetik daripada Injil Yohanes 2:2-5 itu sangat bertepatan dengan saranan Gereja yang ingin membawa semua umat untuk merayakan iman bersama-sama, mendengar dan berjalan bersama.

Sebelum perayaan, diadakan beberapa siri persiapan dalam bentuk Misa Kudus, pertemuan, latihan liturgi dan sebagainya.

Paderi Paroki Telupid, Fr Christopher Irenius yang memimpin Misa Kudus setiap

hari selama sembilan hari, dalam homilinya semasa Novena hari kelapan, menyarankan agar umat dapat menggunakan kebijaksanaan pada masa dan tempat yang sepatutnya.

Katanya, menjadi bijak bukan bermaksud memiliki ilmu pengetahuan untuk kepentingan diri semata-mata tetapi harus memanfaatkan kebijaksanaan itu untuk membantu sesama khususnya mereka yang memerlukan.

Sempena Hari Paroki, umat dapat beramah mesra dengan Uskup Julius Dusin Gitom, yang memimpin Ritus Penguatan untuk lebih seratus calon Krisma.

Prelatus itu juga memberkati bangunan



Pusat Pastoral Paroki St Martin yang baharu. Pembinaan bangunan ini adalah tanda bahawa bilangan umat Katolik di Telupid

semakin bertambah dan memerlukan perancangan rapi bagi program-program pastoral serta pematapan iman.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Bagaimana menyembuhkan luka batin ...

Bagi menyembuhkan luka batin mendalam, kita harus meminta bantuan Tuhan, namun Tuhan menantikan keterbukaan kita kepadanya, terutama kesabaran untuk berpasrah dan ia memerlukan proses yang mengambil masa bergantung berapa dalam luka batin itu.

Luka batin tertentu memerlukan penyembuhan yang lebih menyeluruh, bukan hanya fikiran, tetapi juga hati.

Kadang-kadang secara intelektual, kita sudah ingin mengampuni, tetapi perasaan hati kita belum nyaman, sehingga rasa sakit dan benci tiba-tiba muncul lagi.

Bahkan orang yang menyangka dirinya sudah sembuh, tiba-tiba berasa sakit hati apabila bersua dengan situasi yang sama. Jadi nyatalah bahawa penyembuhan memerlukan proses yang panjang dan kompleks.

Kitab Suci sendiri banyak mencatatkan kisah tentang pengalaman luka dan bagaimana orang dapat sembuh ketika memandang hidup dari kacamata Tuhan.

Misalnya kisah Yusuf, yang dijual oleh saudara-saudaranya kepada pedagang hamba. Hidupnya merana, namun tangan Tuhan menyertainya sehingga dia dapat menjadi bendahara Kerajaan Mesir.

Pedih sekali lukanya, lebih-lebih lagi ketika melihat saudara-saudaranya datang kepadanya untuk membeli gandum, semasa bencana kelaparan melanda.

"Akulah Yusuf, saudaramu, yang kamu jual

ke Mesir," katanya, "Tetapi sekarang, janganlah bersusah hati dan janganlah menyesali diri, kerana kamu menjual aku ke sini, sebab untuk memelihara kehidupanlah Tuhan menyuruh aku mendahului kamu" (Kej. 45:4-5).

Yusuf bergantung pada Tuhan dalam deritanya, dan percaya bahawa Tuhan memelihara hidupnya selama ini. Dia mendapati bahawa Tuhan mempunyai rencana yang lebih besar, yang melampaui peristiwa yang menyakitkan hatinya.

Yusuf menyatukan dirinya dengan kasih Tuhan dan dia disembuhkan serta dapat mengampuni saudaranya dengan ikhlas.

Berikutnya Daud. Pengalaman lukanya banyak diungkapkan dalam Mazmur: "Tuhan itu dekat kepada orang-orang yang patah hati, dan Dia menyelamatkan orang-orang yang remuk jiwanya" (Mzm. 34:19).

Bukan hanya Tuhan itu dekat dengan kita tetapi Tuhan juga menyelamatkan. "Dia menyembuhkan orang-orang yang patah hati dan membalut luka-luka mereka" (Mzm. 147:3).

Patah hati adalah terjemahan untuk hati yang remuk redam kerana dilukai. Namun Tuhan pasti menguatkannya kembali.

Dalam pengalamannya, Daud terluka oleh Saul, raja yang pernah diabdinya dulu tetapi raja itu mahu membunuhnya.

Daud juga pernah terluka kerana dosanya sendiri, memperisteri Batseba, isteri kepada Uria yang kemudian dibunuhnya. Luka kerana

dosa membuatnya hancur. Tetapi Daud mengalami penyembuhan Tuhan.

Akhirnya kita harus lihat Yesus sendiri, yang menawarkan penyembuhan dari Hati-Nya. "Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu," (Mat. 11:28). Yesus-lah penyembuh sejati. Di kayu salib Dia dilukai secara amat mengerikan, tetapi Dia dapat melampaui semuanya itu dan mengalirkan rahmat pengampunan.

Jadi bagaimana agar kita dapat sembuh dari luka, trauma dan kebencian?

Kita harus pertama-tama percaya kepada Tuhan melalui Yesus. Datanglah kepada-Nya. Bukalah hati kita yang sakit di depan salib, dan sadarilah bahawa anda terlebih dahulu dikasihi oleh Yesus.

Ingatlah bahawa Yesus mengundang kita datang. Dia juga yang mencari orang yang sakit dan hilang. Dia memahami dan merangkul setiap hati yang patah ini dengan kasih-Nya. Lakukan banyak latihan rohani dalam meditasi di depan salib.

Sambil membayangkan gerakan Yesus yang penuh kasih, kita menimba kekuatan dari Dia. Kita merasakan rangkulan kasih-Nya. Dari sanalah perlahan-lahan mengalir aliran air hidup, yang memimpin kita pada pengampunan sejati. — Fr Gregorius Hertanto, *hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik, Selamat menyambut Tahun Baru 2024. Semoga pada tahun ini, adik-adik bertambah matang dalam iman dan sukses dalam apa juga yang adik-adik lakukan. Adik-adik, pada Hari Minggu ini

kita menyambut Hari Raya Besar Epifani dan pada hari Isnin, Januari 8, kita menyambut Pesta Pembaptisan Yesus. Dalam Pesta Epifani, kita mengingati para majus yang datang dari Timur, yang mencari bayi Yesus.

Tuhan telah membimbing para majus ini dengan bintang istimewa agar mereka dapat bertemu dengan Bunda Maria dan bayi Yesus. Dan ketika mereka menjumpai Dia, mereka menyembah serta memberikan-Nya tiga hadiah mahal iaitu kemenyan,

mur dan emas. Adik-adik, apakah persembahan yang dapat kita berikan kepada Yesus? Kita boleh mempersembahkan doa, bakat dan hati kita kepada Yesus!

Salam Sayang
Antie Melly

Cari **LAPAN** perbezaan pada gambar di bawah.



"Di manakah Dia, raja orang Yahudi yang baru dilahirkan itu? Kami telah melihat bintang-Nya di Timur dan kami datang untuk menyembah Dia."
Mat 2:2



Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Engkaulah _____ yang _____ kepada-Mulah
Aku _____.



- berkenan
- Anak-Ku
- Ku kasihi


Lukas 3:22

Bintang yang mereka lihat di Timur itu mendahului mereka hingga tiba dan berhenti di atas tempat, di mana Anak itu berada. Ketika mereka melihat bintang itu, sangat bersukacitalah mereka (Mat 2: 9-10).



Mari Mewarna

Gunting dan lekatkan keratan di bawah untuk melengkapkan gambar orang-orang majus dari Timur dan bayi Yesus.



BELIA MILENIUM

Mahasiswa berhujung minggu dengan Roh Kudus

KOTA PADAWAN: *Kuching Campus Ministry (KCM) telah menganjurkan Kuching Campus Ministry Weekend Hangout 2023 (KCMWH) di St Lukas, Kota Padawan, baru-baru ini.*

Program tahunan ini disertai seramai 45 orang mahasiswa dari pelbagai kampus, termasuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Samarahan 1 dan 2, ILKMM Kuching, Politeknik Matang, dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang.

Apakah KCMWH?

Ia merupakan program hujung minggu yang melibatkan pelajar Katolik dan Kristian dengan objektif mengeratkan persahabatan mahasiswa Kristian di pelbagai kampus di Keuskupan Agung Kuching.

Program ini diisi dengan sesi katekesis, berdoa dan mendekati diri dengan Tuhan, pertumbuhan diri (kepimpinan dan pengetahuan), pelayanan (membantu sesama) dan



Gambar berkumpulan selepas Misa Kudus pada hari terakhir bersama Fr Ramon Borja, SDB dan seminarian.

solidariti (perhubungan antara satu dengan yang lain).

Tema, Growth in Spirit (Bertumbuh dalam Roh) adalah diinspirasi dari 1 Korintus 16:13, "Berjaga-jagalah! Berdirilah dengan teguh dalam iman! Bersikaplah sebagai laki-

laki! Dan tetap kuat! Lakukanlah segala pekerjaanmu dalam kasih!".

Pada hari pertama, program dimulakan dengan acara suai kenal dan pada sebelah malam, para peserta berjalan sambil berdoa rosari.

Keesokan harinya, program diteruskan dengan sesi perkongsian oleh Alexis Bong dari Holy Cross Ministry of Healing and Deliverance.

Sesi tersebut amat membantu peserta untuk lebih mengetahui tentang peperangan dan pembebasan rohani serta menawarkan sesi kaunseling kepada para peserta program.

KCMWH turut dibantu oleh para seminarian dalam sesi seperti *Lectio Divina*.

Pada sebelah malam, para peserta berdoa sambil mengelilingi unggun api.

Pada hari terakhir, Brother Patrick meny-

ampaikan perkongsian tentang Perjalanan ke Emmaus dari Injil Lukas 24:13-35.

KCMWH diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Ramon Borja, SDB.

Para peserta diharapkan dapat menyebarkan Khabar Sukacita Tuhan melalui perbuatan dan perkataan mereka di kampus masing-masing.

Antara testimoni atau kesaksian peserta:

"Malam rosari dijalankan dengan lancar dan baik, dapat fokus dan kekal terjaga kerana doa dibuat sambil berjalan mengelilingi tempat terbuka St Lukas. Suasana sepanjang malam rosari amatlah menenangkan dengan dekorasi di grotto yang 'perfect'!"

"Saya suka sesi 'Growth in Spirit', dan sesi tersebut merupakan sesi yang paling diingat sepanjang program." "Acara Unggun Api pada malam tersebut adalah terbaik!" —

Christine Cyrill, Today's Catholic



Sesi sing-along

Aku datang untuk melemparkan api ke bumi ...

CHERAS: 80 orang belia dari Gereja St Francis of Assisi (SFA) menyertai Kem Belia Gereja 2023 pada Disember 8 - 10 tahun lalu.

Kem itu diadakan di Golden Sands Baptist Assembly, Port Dickson dengan tema, "Aku datang untuk melemparkan api ke bumi dan betapa Aku harapkan, api itu telah menyala" dari Injil Lukas 12:49.

Pada hari pertama, selepas mendaftar masuk, para belia teruja menyertai sesi pujian dan penyembahan yang dipimpin oleh SFA Youth Praise and Worship atau lebih dikenali sebagai LPK (*Love, Peace, and Kindness*).

Uniknya, kem itu dibuka dengan tarian singa yang memperlihatkan kebang-

gaan budaya serta melambangkan harapan kem itu akan memberi tenaga positif kepada para peserta.

Penganjur menjemput Fr Ramon Borja SDB dari Keuskupan Agung Kuching untuk mengendalikan empat sesi yang mencabar minda dan memberi inspirasi kepada kaum muda iaitu:

1. Adakah anda *Hot* atau *Cold*? Sesi ini mencabar belia untuk mengenal pasti tahap keimanan mereka serta mendedikasikan mereka untuk komited dalam iman.
2. Menjadi Belia yang Berapi-api! Para peserta dibimbing untuk melihat potensi serta kuasa mereka sebagai kaum muda untuk menjadi agen damai serta perubahan.
3. "Hanya Kristus Raja Kita" merupa-



kan sesi yang mencadangkan pelbagai sarana praktikal untuk hidup berpusat pada Kristus.

4. Bagaimana menjadi "orang api"? Sesi yang melengkapkan para belia dengan kemahiran dan sudut pandang bagi menjadi pemimpin efektif dalam

komuniti.

Selain sesi katekesis yang memberi inspirasi hebat, para peserta juga menyertai doa taize, sesi pengakuan bersama Fr Ramon serta memperlihatkan talenta mereka pada malam persembahan bakat.

Dalam kehebatan-Nya, Dia menjadi kecil

VATIKAN: "Sensus seluruh bumi" ... Begitulah cara Sri Paus Fransiskus memulakan homilinya pada Misa Malam Natal di Basilika Santo Petrus, yang memetik kata dari Injil menurut Santo Lukas.

Injil Lukas menekankan pentingnya sensus ini yang sangat kontras dengan kaisar yang menghitung jumlah penduduk dunia.

Tuhan datang ke dunia secara sembunyi-sembunyi di kala mereka yang berkuasa sibuk mengukuhkan kedudukan mereka. Di kala mereka berusaha mengambil tempat yang tertinggi, Yesus, Sang Raja Semesta Alam pula memilih yang tempat yang miskin."

"Tidak seorang pun penguasa yang menyedari kelahiran-Nya," ujar Sri Paus Fransiskus seraya menekankan, "Hanya segelintir gembala, yang terpinggir datang menyembah Dia setelah dinyatakan oleh malaikat."

Inkarnasi vs pencapaian

"Sensus seluruh bumi" yang dilakukan kaisar, kata Sri Paus Fransiskus, "mewujudkan siri manusia sepanjang sejarah yang sibuk mencari kekuasaan dan keperkasaan duniawi, populariti dan kemuliaan, yang menjadi ukuran kejayaan, hasil dan angka, dunia yang terobsesi dengan penca-

paian."

Namun, Yesus "bukanlah dewa pencapaian, melainkan Tuhan Inkarnasi."

"Dia tidak menghilangkan ketidakadilan dengan menunjukkan kekuatan atau menggunakan kuasa dari syurga, tetapi dari kerendahan hati, dengan menunjukkan kasih. Dia adalah Tuhan yang mempunyai kuasa tak terbatas, namun turun ke dunia ke batas-batas sempit kehidupan kita."

Dalam kehebatan-Nya, Dia menjadi kecil

Oleh itu, Sri Paus Fransiskus mengajak seluruh umat agar mengarah-



kan pandangan kita pada "Tuhan yang hidup dan benar" ini.

"Dialah, kata Paus Fransiskus, Tuhan yang "merevolusi sejarah dengan menjadi bagian dari sejarah", dan Tuhan yang "sangat menghormati kita sehingga membiarkan kita menolak Dia; yang menghapus dosa dengan menang-gungnya sendiri."

"Tuhan sangat ingin merangkul

kehidupan kita," ujar Sri Paus Fransiskus dan menambah "meskipun Dia tidak terbatas, Dia menjadi terbatas demi kita. Dalam kehebatannya, Dia memilih menjadi kecil; dalam kebenaran-Nya, Dia menyerah kepada ketidakadilan kita."

"Ini," tegas Sri Paus Fransiskus, "adalah keajaiban Natal". — *media Vatikan*

Uskup Amerika Syarikat tegaskan pemberkatan pasangan sejenis bukanlah ritus perkahwinan

NEW YORK: Deklarasi yang dikeluarkan Vatikan tentang pemberkatan "pasangan sesama jenis" dan pasangan dalam "situasi tidak biasa" tidak mengubah ajaran Gereja Katolik bahawa perkahwinan adalah dibenarkan dalam Gereja Katolik adalah antara lelaki dan wanita.

Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh para uskup di Amerika Syarikat. Dikasteri Ajaran Iman pada Disember 17, 2023 telah mengeluarkan deklarasi bertajuk Pemohon Fidusia (*Fiducia Supplicans*), yang membuka pintu bagi para paderi untuk memberkati pasangan sesama jenis secara pastoral.

Namun, deklarasi tersebut juga menjelaskan bahawa pemberkatan tersebut tidak boleh dilakukan dengan cara yang menyerupai perkahwinan serta menegaskan perbezaan antara pemberkatan pastoral dan pemberkatan sakramental.

"(Deklarasi) tersebut menjelaskan perbezaan antara berkat liturgi (sakramental) dan berkat pastoral, yang dapat diberikan kepada orang-orang yang menginginkan rahmat kasih Tuhan dalam hidup mereka,"



Semua orang berhak menerima pemberkatan pastoral termasuk pasangan situasi bukan biasa.

kata Chieko Noguchi, direktur eksekutif urusan masyarakat di Konferensi Katolik para Uskup Amerika Syarikat dalam sebuah kenyataan akhbar pada Disember 18.

"Ajaran Gereja tentang perkahwinan tidak berubah, dan deklarasi ini menegaskan hal itu, sementara berusaha mendampingi umat melalui pemberian berkat pastoral kerana semua kita, memerlukan cinta dan belas kasihan Tuhan yang menyembuhkan dalam hidup kita," tambah Noguchi.

Deklarasi tersebut menyatakan

bahawa para paderi tidak dihalang untuk memberikan pemberkatan pastoral "spontan", yang "diperuntukkan bagi semua orang termasuk pasangan sejenis."

Beliau menambah bahawa berkat-berkat tersebut diperuntukkan bagi mereka yang "tidak menuntut legitimasi atas status mereka sendiri namun memohon agar kehidupan mereka dan Tuhan semakin akrab, dan hubungan mereka diperkaya serta ditingkatkan dengan kehadiran orang-orang yang beriman." — *media Vatikan*

Mendekati saudara dan saudari korban peperangan

KOTA VATIKAN: Sri Paus Fransiskus mengungkapkan kedekatannya dengan para korban perang, dan mendesak umat beriman untuk menghindari konsumerisme pada hari Natal, serta merayakan kelahiran Yesus tanpa mensia-siakannya, serta berbagi apa yang kita miliki kepada mereka yang memerlukan.

"Kita dekat dengan saudara-saudari kita yang menderita akibat perang," kata Sri Paus Fransiskus semasa membacakan Angelus pada hari Minggu.

"Mari kita mengenang Palestine, Israel, Ukraine. Kita juga memikirkan semua orang yang menderita kesengsaraan, kelaparan, dan yang terjerat dengan perhambaan."

Pada malam Natal, Bapa Suci mengundang umat Kristian untuk menghabiskan hari itu "dalam doa, dalam kehangatan kasih sayang, dan dengan ketenangan hati."

"Jangan sampai kita mencampur adukkan perayaan ini dengan konsumerisme!" kata Sri Paus Fransiskus yang juga mendesak umat beriman untuk merayakan Natal dengan sederhana, tanpa pemborosan, "dan dengan berbagi dengan mereka yang berkekurangan, yang terabai atau memerlukan perhatian."

Menjelang perayaan kelahiran Yesus, Sri Paus Fransiskus berdoa agar "Firman yang menjadi manusia itu, dapat memasuki hati semua umat manusia." — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus berdoa di hadapan patung Bayi Yesus.

Kami tidak punya apa-apa selain Gereja kami ... belia Gaza



Remaja lelaki Palestine mengambil bahagian dalam perayaan Minggu Palma di Gereja Ortodoks Yunani St Porphyrios di Kota Gaza, pada April 24, 2016. (Gambar: Ucanews.com).

KOTA GAZA: Dunia telah menjadi sangat kecil dan berbahaya bagi 600 umat Kristian di Gaza, Palestine, yang berlindung di kompleks Gereja Keluarga Kudus di Kota Gaza sejak meletusnya perang Israel-Hamas pada Oktober 7.

Kompleks Gereja Keluarga Kudus dan Gereja Ortodoks Yunani St. Porphyrios, terletak di Kota Gaza di mana pada awal perang, tentera Israel meminta warga sivil Gaza di Palestine untuk melarikan diri ke selatan agar tidak terjebak dalam tembakan menembak.

18 orang maut pada awal perang di Kompleks Gereja St Porphyrios ketika Israel mengebom sebuah bangunan di sebelah Gereja.

Pertempuran sengit telah ter-

jadi di daerah dekat Gereja dalam beberapa hari terakhir, dan dua wanita — kedua-duanya umat paroki — maut manakala tujuh lainnya cedera terkena tembakan pada Disember 16.

Menurut Fr Romanelli, yang berada di Yerusalem ketika perang bermula, pada artikel ini ditulis, terdapat 1,017 umat Kristian yang tinggal di Gaza, termasuk 135 orang beragama Katolik.

OSV News meminta beberapa belia yang sedang berlindung di paroki Keluarga Kudus untuk menulis pengalaman mereka pada masa ini. Salah seorang belia, Suhail Abu Dawod, 18, mengirimkan surat yang bertajuk "Tragedi Kehidupan Sehari-hari Kita Se-

masa Perang".

Abu menceritakan perjuangan, ketakutan dan rasa cemasnya bersama komuniti lain semasa tembakan menembak berlaku.

Abu menulis bahawa segala sesuatu yang kami miliki telah seperti rumah dan kereta. Jadi kami tidak punya apa pun kecuali Gereja kami yang adalah rumah kami yang sebenarnya, rumah kedamaian, pengampunan dan cinta.

Abu juga menegaskan, "Iman lebih kuat dari perang."

Remaja itu dan rakan-rakannya juga tidak berhenti berdoa rosari sebelum Misa Kudus dan percaya bahawa Tuhan akan menyelamatkan mereka dari situasi sukar. — *UCA news*

AUDIENSI UMUM SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA KAUM AWAM

Keangkuhan membuat kita lalai terhadap perangkap dosa

VATIKAN: Memulakan siri baru katekesis tentang kebaikan dan keburukan yang berlawanan dengan kebaikan, Sri Paus Fransiskus semasa Audiensi Umum minggunya menerangkan bagaimana Kitab Suci dan guru-guru kehidupan rohani menggesa kita untuk menolak kejahatan dan akarnya serta menekankan kepentingan menjaga hati.

Bapa Suci Fransiskus mengalu-alukan kedatangan penziarah ke Audiensi Umum yang diadakan di Dewan Paulus IV, dua hari selepas Natal.

Perangkap keangkuhan

Bapa Suci melihat pada permulaan Kitab Suci yang memperlihatkan dinamika kejahatan dan godaan seperti yang diceritakan dalam kisah Adam dan Hawa di Taman Eden dalam Kitab Kejadian.

Ular, makhluk yang tersembunyi dan bergerak perlahan, merupakan lambang godaan dan dosa.

Ular itu mula bercakap dengan Adam dan Hawa, menaburkan gosip dan menanam keraguan dalam fikiran mereka tentang niat serta penjagaan Tuhan terhadap mereka. Ular itu mengemukakan soal-muslihat tentang pokok di taman itu dan dengan licik, memujuk mereka makan buah pada pokok itu walaupun dilarang oleh Tuhan.

Larangan makan dari pokok pengetahuan tentang kebaikan dan kejahatan ini sebenarnya "ukuran kebijaksanaan," jelas Sri Paus. Larangan itu bukan sekatan tetapi



Sri Paus Fransiskus memberkati para penziarah.

penggunaan akal untuk membantu memahami bahawa terdapat had atau batasan manusia dan menyedarkan kita bahawa kita bukan maha kuasa.

"Godaan untuk mahu menjadi tuan kepada kebaikan dan kejahatan adalah masalah sehingga hari ini," ujar Sri Paus Fransiskus.

"Dan ia adalah perangkap paling berbahaya bagi hati manusia. Perangkap dosa ini boleh mengancam kedekatan kita dengan Tuhan dan ketaatan kita kepada rancangan kasih-Nya untuk hidup kita."

Kejatuhan

Kisah Adam dan Hawa menunjukkan bahawa mereka tidak berjaya menahan godaan ular, yang telah menyemai keraguan dalam fikiran mereka tentang Tuhan,

dan mereka menyerah kepada dosa yang membawa kepada keruntuhan kehidupan harmoni mereka di Eden," kata Sri Paus.

Kejahatan tidak memasuki kehidupan manusia dengan cara yang riuh-rendah, sebaliknya perlahan-lahan dan halus melalui pemikiran, memupuk keraguan, dan menyebabkan manusia jatuh serta terjerat oleh godaannya.

Bagi menangkis godaan kuasa jahat, Sri Paus mencadangkan agar umat belajar dari Yesus yang menggunakan Firman Tuhan sebagai senjata melawan iblis.

Bapa Suci juga mencadangkan umat untuk meladani para kudus dalam melawan kuasa jahat iaitu dengan merayakan Misa Kudus, berdoa kepada Santa Perawan Maria, selalu membuat Pengakuan, berpuasa dan membaca Kitab Suci. — CNA

Ucapkan Syahadat setiap hari

"Di dunia ini kamu akan mendapat banyak masalah, tetapi tabahlah, dan bergembiralah, kerana aku telah mengalahkan dunia," - Yohanes 16:33.

Salah satu cara terbaik untuk setia kepada Tuhan adalah dengan mempercayai firman-Nya: "Jangan takut."

Ini adalah panggilan untuk keberanian. Yesus meminta anda untuk tenang dalam badai kehidupan, tidak hanya untuk ketenangan fikiran anda sendiri tetapi juga untuk kesejahteraan orang yang anda cintai.

Anda dapat memutuskan untuk menampilkan wajah Kristus kepada mereka, dengan menunjukkan kepada mereka iman anda pada kekuatan-Nya.

Adalah normal untuk berasa bimbang akan masa hadapan lebih-lebih lagi dunia sedang diancam dengan peperangan, krisis iklim, krisis makanan sedunia, ba-

haya inflasi dan kemerosotan ekonomi global.

Kita tidak memiliki bola kristal untuk memberi tahu kita apa yang akan terjadi selanjutnya, tetapi kita memiliki tubuh kebijaksanaan yang menyelamatkan kita dari banyak kebingungan dan ketakutan. Itulah yang kita lafazkan dalam Pengakuan Iman Rasuli atau Syahadat Para Rasul.

Yesus mendesak anda untuk mengesampingkan ketakutan dengan berfokus pada Dia, dan kuasa-Nya untuk membawa anda melintasi badai kehidupan.

Ajaran-Nya, yang diwariskan kepada kita daripada para Rasul, mengandung sekumpulan pengetahuan, yang kita perlukan saat ini.

Dengan melafazkan Pengakuan Iman Rasuli sekali sehari, pasti ia akan memperkuat iman anda.

Keputusan anda, untuk mengucapkan Pengakuan Iman ini sekali sehari, akan membantu anda untuk mempercayai Tuhan dalam segala keadaan.

Transformasi bertahap anda di dalam Kristus akan membawa berkat bagi mereka yang anda kasihan, dan memberi anda tempat yang lebih tinggi di syurga.

Mengapa tidak mempercayai Tuhan? Dia akan melakukan untuk anda apa yang belum dapat anda lakukan untuk diri anda sendiri: Jangan takut.

Jika anda sedang mencari resolusi tahun baru, mengapa tidak memanfaatkan wahyu yang membentuk tujuan hidup kita?

Semua pengetahuan rohani kita didasarkan pada hikmat Yesus Kristus. Dia berkata, "Di dunia ini kamu akan mendapat banyak masalah, tetapi tabahlah, dan bergembiralah, kerana aku telah mengalahkan dunia," (Yohanes 16:33).

Sto Paulus menulis, "Kamu semua, yang beriman, memiliki panggilan ilahi yang sama: untuk mengarahkan fikiranmu kepada Yesus, Imam Besar, dan setia, sebagaimana Dia setia, kepada Dia yang menunjuk Dia; iaitu, Bapa syurgawi-Nya" - Ibrani 3:1.

Buka lebar-lebar pintu bagi Kristus. Untuk kekuatan penyelamatnya membuka batas negara, sistem ekonomi dan politik, bidang budaya, peradaban, dan pembangunan yang luas.

Jangan takut. Kristus mengetahui "apa yang ada dalam diri manusia". Dia sendiri yang mengetahuinya. (St. Yohanes Paulus II). — Fr John Catoir JCD, Katolikku



Melafazkan Syahadat para Rasul setiap hari boleh membantu kepercayaan kita terhadap Tuhan dalam segala keadaan.

PENULIS BERKICAU

Kontroversi Fiducia Supplicans

Kontroversi atau berita tidak benar mengenai *Fiducia Supplicans* sedikit sebanyak mengganggu suasana Natal pada tahun lalu.

Sebenarnya, tidak ada yang kontroversi tentang deklarasi doktrinal *Fiducia Supplicans* yang diterbitkan oleh Dikasteri Ajaran Iman Vatikan dan telah dipersetujui oleh Sri Paus Fransiskus.

Dalam doktrin ini, Vatikan menjelaskan mengenai ajaran perkahwinan dalam Gereja Katolik yang tidak berubah, iaitu pasangan lelaki dan wanita. Gereja Katolik tidak pernah melonggarkan ajarannya untuk membenarkan pasangan sejenis untuk diberkati atau menerima Sakramen Perkahwinan.

Namun, ketika dua orang meminta pemberkatan, meskipun situasi mereka sebagai pasangan "luar tabii"/pasangan sejenis, seorang paderi yang ditahbis, boleh memberikan berkat.

Orang yang meminta berkat tidak dituntut untuk memiliki kesempurnaan moral. Orang yang memohon berkat biasanya menunjukkan keterbukaan mereka yang tulus terhadap transendensi, keyakinan hati mereka terhadap Tuhan bahawa mereka berandal dan amat memerlukan Tuhan.

Berkat ditawarkan kepada semua orang tanpa menetapkan syarat apa pun.

Perlu kita ketahui bahawa Gereja Katolik tidak mempromosikan pemberkatan pasangan luar tabii tetapi tidak menolak ketika pasangan ini datang meminta berkat atau memohon doa berkat sederhana.

Berkat yang diberikan kepada pasangan luar tabii itu adalah bersifat pastoral, bukan Sakramen Perkahwinan dan tidak menyerupai ritus perkahwinan.

Antara catatan penting dalam doktrin *Fiducia Supplicans* ialah berkat untuk pasangan luar tabii ini diharapkan dapat membuka hidup seseorang kepada Tuhan, untuk meminta bantunya agar dapat hidup lebih baik, dan juga untuk memohon Roh Kudus agar nilai-nilai Injil dapat dihayati dengan lebih setia.

Berkat kepada pasangan luar tabii mengungkap Gereja yang menyambut semua orang yang datang kepada Tuhan dengan rendah hati, menemani mereka dengan bantuan-bantuan rohani yang memampukan setiap orang untuk memahami dan menyedari kehendak Tuhan sepenuhnya dalam situasi hidup mereka.

Banyak media memberikan pengertian salah tentang berkat kepada pasangan luar tabii. Kebanyakan media, yang tidak membaca terlebih dahulu doktrin *Fiducia Supplicans* menulis seolah-olah Gereja Katolik membenarkan pemberkatan perkahwinan kepada pasangan sejenis.

Media-media ini juga mencampur adukkan makna berkat secara umum dengan Sakramen dengan penjelasan yang tidak tepat. Malah, salah faham ini juga terjadi apabila media hanya menterjemahkan artikel dari media bahasa lain, tanpa menyelidik deklarasi *Fiducia Supplicans* terlebih dahulu.

Catatan penting daripada Sri Paus Fransiskus — Dunia ini memerlukan berkat, dan kita dapat memberi berkat dan menerima berkat!

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Rumah ibadat harus jadi monumen perdamaian

KUALA LUMPUR: Uskup Agung Julian Leow Beng Kim menyeru orang ramai untuk bekerjasama demi kebaikan negara.

Prelatus itu mengatakan semangat kebersamaan di Malaysia semakin terhakis sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan pemikiran sempit serta jurang antara kumpulan semakin ketara.

“Nampaknya ada pihak yang mahu mengarah bagaimana mereka harus mengamalkan agama mereka.

“Malah semakin banyak terjadi syak wasangka dan ketidakpercayaan di kalangan kita yang berlainan kepercayaan berbanding 40 tahun lalu.

“Bagaimanakah kita mencapai tahap perjalanan kita sebagai Malaysia selepas 60 tahun negara dan 66 tahun merdeka?” soalnya semasa berucap pada majlis jamuan tahunan hi-tea Persekutuan Kristian Malaysia di Selangor pada Disember 17 lalu.

Uskup Agung Julian berpendapat bahawa banyak syak wasangka dan ketakutan tidak berasas itu boleh diselesaikan melalui dialog. Dialog dapat meningkatkan pemahaman tentang pandangan masing-



Uskup Agung Julian Leow mencadangkan dialog sebagai antidot kepada syak wasangka dan mempererat persefahaman.

masing dan meleraikan salah faham.

Tegasnya, tempat ibadat seperti masjid dan Gereja tidak seharusnya menjadi simbol perpecahan sebaliknya harus menjadi monumen kebebasan beragama dan saling menghormati.

“Salah satu aspek yang paling luar biasa di Malaysia ialah keupayaan kita untuk mengekalkan identiti budaya dan agama kita sambil hidup bersama dengan aman dan harmoni.

Banyak yang boleh kita laksanakan bagi mengukuhkan lagi keharmonian antara iman. Dan banyak usaha yang boleh kita lakukan untuk mengatasi perpecahan.”

Uskup Agung Julian mengajak hadirin untuk berpegang teguh pada nilai-nilai yang mendefinisikan rakyat Malaysia iaitu sebuah masyarakat majmuk yang saling hormat menghormati, tidak cepat bersyuk wasangka — adalah kekuatan “permaidani pelbagai budaya” di negara tercinta ini.

Tetamu kehormat majlis hari ini ialah Menteri Pengangkutan Anthony Loke, mewakili Perdana Menteri Anwar Ibrahim serta Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Perdana Menteri tidak dapat hadir kerana sedang menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Jepun di Jepun.

Pada akhir ucapannya, Uskup Julian mengatakan, “marilah kita ingat bahawa kepelbagaian kita bukanlah kelemahan sebaliknya kekuatan terbesar kita.”

“Marilah kita terus menenun benang budaya, tradisi dan agama kita menjadi permaidani indah keharmonian yang dapat dicontohi oleh negara-negara luar.”

“Bersama-sama, marilah kita bersatu dalam kepelbagaian budaya dan agama kita, berbangga dengan warisan kita, dan komited untuk membina masa depan di mana setiap rakyat Malaysia dihormati, dilibatkan dan dihargai,” tutur Uskup Agung Julian.

Majlis graduasi untuk 94 graduan pendalaman bawah Keuskupan Keningau

KUALA PENYU: Empat paroki di bahagian pendalaman bawah Keuskupan Keningau berbangga dengan para graduan yang tamat Kursus Pensijilan baru-baru ini.

Majlis Konvokesyen buat julung kalinya diadakan bagi meraikan seramai 94 graduan yang tamat Kursus Pensijilan Tahap Satu bagi sesi Jun – November 2023.

Para graduan ini terdiri daripada katekis terlatih, katekis pembimbing, pemimpin doa-doa umum dan umat awam dari paroki St Yohanes, Sipitang, St Valentine, Beaufort, St Patrick, Membakut dan St Peter, Bundu, Kuala Penyu.

Acara ini dimulakan dengan Misa Kudus di Gereja St Peter yang dipimpin oleh Fr Rudolf Joannes serta dibantu oleh Fr Clement Abel, Fr David Mamat, Fr Bede Antonius dan Fr Benedict Runsab.

Hadir sama dalam acara ini ialah Pengetua

Kursus, Sdra John Lainsin dan para pengajar, Fredolin Umis, Patrick Marius dan Robson Douglas.

Menyampaikan homili berdasarkan pembacaan hari itu, Fr Rudolf mengucapkan syabas kepada semua graduan kerana keluar dari kepompong penyelesaian untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Pusat Pastoral Keuskupan (PPK). Ini bermaksud para graduan ingin menyumbangkan talenta yang diberikan oleh Tuhan demi membangun kerajaan Tuhan di dunia.

“Bersukacitalah apabila Tuhan datang dan mendapati kita tidak tidur sebaliknya sedang bekerja, berjaga-jaga dan berusaha menjadi sarana Tuhan demiewartakan Khabar Sukacita,” pesan Fr Rudolf.

Selepas Misa, para graduan berarak masuk ke Dewan St Peter Bundu diiringi tepukan gemuruh dari ahli keluarga, rakan-rakan dan



94 graduan dari empat paroki bahagian bawah pendalaman Keuskupan Keningau dalam Majlis Graduasi mereka baru-baru ini.

umat yang hadir. Penyampaian sijil disempurnakan oleh Fr Rudolf Joannes.

Penghulu peserta kursus, Sdra Paul Bigul dalam ucapannya menyatakan rasa syukur dan terima kasih kepada para paderi dan guru yang berjalan bersama mereka selama enam bulan. Ucapan terima kasih juga disampaikan

kepada paroki St Valentine Beaufort yang menjadi tempat berkursus kepada 94 graduan tersebut.

Fr Rudolf Joannes dalam ucapannya mengajak para garduan untuk mengenal pasti keperluan pastoral di paroki masing-masing. — *Stella Eming Dydimus*

Pemberian kasih Krismas untuk 300 keluarga

KUALA LUMPUR: Pelayanan Hal Ekwial Ekumenikal & Antara Agama Paroki (PMEIA) Gereja Sacred Heart of Jesus dengan kerjasama Yayasan Bena Nusa baru-baru ini mengadakan ‘Christmas Gift of Love 2023’, yang memberi manfaat kepada kira-kira 300 keluarga daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Majlis diadakan di Dewan Yayasan Bena Nusa di Taman Maluri, Kuala Lumpur pada Disember 17, 2023 yang turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Titiwangsa, YB Datuk Seri Haji Johari Bin Abdul Ghani dan Pengerusi Yayasan Bena Nusa. Turut serta ialah ahli-



ahli PMEIA yang diketuai oleh Koordinatorinya, Dr Florence John.

Kebanyakan keluarga itu merupakan ahli paroki Gereja Sacred Heart of Jesus dan

Chapel Our Lady of Good Health di Kg Pandan, dalam kawasan parlimen Titiwangsa.

Datuk Seri Johari yang juga Menteri Pe-

rusahaan Perladangan dan Komoditi menaja hamper bernilai RM100 setiap satu untuk 300 tetamu yang hadir.

Beliau turut menyampaikan hadiah wang tunai RM100 kepada setiap seorang daripada 300 penerima.

Menurut Dr Florence, program itu mendapat sokongan baik daripada Datuk Seri Johari yang telah berlanjutan selama lapan tahun serta memberi banyak manfaat kepada para umat paroki.

PMEIA juga berterima kasih kepada paderi paroki, Msgr Stanislaus Soosaimariam di atas sokongan beliau.